

Taxand cadang kerajaan menentu ukur semula Bajet 2017

KUALA LUMPUR 2 Nov - Kerajaan mungkin perlu menentu ukur semula Bajet 2017 pada tahun depan, jika senario ekonomi berubah menjadi tidak begitu menarik, kata Pengerusi Taxand Malaysia, Dr. Veerinderjeet Singh.

Katanya, usaha menentu ukur semula Bajet 2016 yang dibuat pada Januari lepas, terpaksa dilakukan selepas harga minyak global mencatatkan penurunan.

"Untuk 2017, jika harga minyak kekal stabil, ia mungkin bagus tetapi jika suasana ekonomi masih tidak bertambah baik, pengutipan cukai terus susut serta hasil cukai barang dan perkhidmatan (GST) menurun, saya fikir kerajaan perlu menentu ukur semula bajet sama ada dalam suku tahun per-

tama atau kedua.

"Kami berharap ini tidak berlaku tetapi ia adalah sesuatu yang perlu diambil kira," katanya kepada pemberita sempena dengan Seminar Unjuran dan Cabaran Bajet 2017 di sini hari ini.

Veerinderjeet berkata, pengumuman bagi menentu ukur semula bajet tidak akan dibuat pada Januari akan datang memandangkan kerajaan perlu mengumpul data daripada sektor korporat untuk indikator bagi tujuan tersebut.

Sementara itu, Taxand Malaysia menyambut baik penubuhan agensi *Collection Intelligence Arrangement* yang diberi tugas untuk meningkatkan kecekapan dalam pengutipan cukai dan pematuhan.

Katanya, memandangkan ini

merupakan kerjasama antara Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), ia akan membabitkan kesepaduan dalam maklumat Kastam dan LHDN.

Beliau berharap agensi itu juga akan diperluaskan lagi untuk melihat sehingga ke 'ekonomi bawah tanah', sebagai contoh, perniagaan yang terlepas daripada pengawasan bagi membawa mereka sehingga ke permukaan.

Mengulas mengenai kemungkinan wujud penggabungan antara Kastam dan LHDN berhubung dengan pengutipan cukai, katanya: "Apabila GST diumumkan, ramai di antara kita telah berunding dengan pihak berkuasa dan kami mencadangkan bahawa mereka (Kastam dan LHDN) digabungkan, tetapi ini tidak dapat dilakukan.

"GST berada di bawah Kastam dan ia merupakan sebuah jabatan kerajaan manakala LHDN adalah jabatan telah dikorporatkan.

"Hanya apabila Kastam dikorporatkan, barulah mungkin untuk

Untuk 2017, jika harga minyak kekal stabil, ia mungkin bagus tetapi jika suasana ekonomi masih tidak bertambah baik, saya fikir kerajaan perlu menentu ukur semula bajet."

VEERINDERJEET SINGH
Pengerusi Taxand Malaysia



menggabungkan elemen Kastam dan GST dalam LHDN," katanya.

Veerinderjeet berkata, Taxand Malaysia adalah positif mengenai penggabungan unit GST Kas-

tam dengan LHDN kerana jika segala-galanya berada di bawah satu bumbung, satu audit tunggal meliputi cukai pendapatan dan GST boleh dilakukan. - BERNAMA



UTUSAN 3/11